

B677  
MAHATHIR

1977

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA) -- PENUNNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI SEBERANG LAUT HARUS BERSYUKUR KERANA MEREKA LEBIH BERNASIB BAIK DAPAT MELANJUTKAN PELAJARAN DI LUAR NEGERI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD.

BELIAU MENGINGATKAN MEREKA BAHAWA BANYAK LAGI PENUNTUT-PENUNTUT YANG INGIN KELUAR NEGERI TETAPI TIDAK BERDAYA BERBUAT DEMIKIAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERUCAP DEMIKIAN DI SATU MAJLIS MAKAN TIBA HARI SERTA PERJUMPAAN DAN DALOG DENGAN LEBIH 600 ORANG PENUNTUT MALAYSIA DI KAHIRAH KELMARIN. SATU KAWAT MENGENAI PERJUMPAAN ITU DITERIMA HARI INI DARI KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI SANA.

DR. MAHATHIR MENGGESA PENUNTUT-PENUTTUT SUPAYA MENYUMBANG DERMA BAKTI MEREKA TERHADAP NEGARA DAN JANGAN BANYAK MELEMPARKAN TUDUHAN-TUDUHAN YANG SEWENANG-WENANG TANPA MEMBUAT PERHITUNGAN YANG POSITIF.

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAAN SENTIASA MEMBERI SUMBANGAN KEWANGAN YANG DISALURKAN MENERUSI BERBAGAI BADAN AGAMA BAGI PERGERAKAN DAKWAH DI NEGARA INI. --BERSAMBUNG 1838/BY

EE

B636

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

SEMENJAK TERCAPAI KEMERDEKAAN, BANYAK KEMAJUAN TELAH DICAPAI DALAM BIDANG PERKEMBANGAN AGAMA ISLAM DAN PENUNTUT-PENUNTUT ALIRAN ISLAM TELAH DIBERI TEMPAT YANG SEWAJARNYA DALAM BERBAGAI PEKERJAAN DAN SEBAGAINYA.

KERAJAAN AKAN TERUS MENYEBARKAN PENGAJARAN AGAMA ISLAM DI MALAYSIA SELAIN DARI MEMBERI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELAJARAN LAIN.

DR. MAHATHIR DIDAMPINGI ISTERINYA DR. SITI HASMAH ALI TIBA DI KAHIRAH KELMARIN UNTUK LAWATAN RASMI SELAMA DUA HARI.

BELIAU TELAH DISAMBUT OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI UNTUK PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN SOSIAL, DR. MOHAMED HAFEZ GHANEN DAN DUTA BESAR MALAYSIA DATUK SHAHUDDIN MOHAMED TAIB.

DR. MAHATHIR DIJADUALKAN MENGADAKAN KUNJUNGAN TERHADAP PERDANA MENTERI ENCIK MAMDOUH SALEM HARI INI DAN KEMUDIAN MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN DR. MOHAMED HAFEZ MENGENAI PERKARA-PERKARA KEPENGINGAN BERSAMA. --BERNAMA 1844/BY